

28/08/2002

Islam, Barat mesti terus berdialog

Tuan Nazuri Tuan Ismail

TANJUNG MALIM, Selasa - Orang Islam mesti terus berdialog dengan negara Barat yang memusuhi Islam sejak dulu, kini dan akan datang kerana pihak berkenaan menganggap Islam berpotensi untuk mendominasi alam sejagat.

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press Malaysia (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata Barat takut kepada Islam kerana umat Islam sendiri yang menakutkan mereka, walaupun hakikatnya umat Islam tidak terlalu kuat.

Beliau berkata, musuh Islam tidak akan membenarkan hukum Hudud dan Syariah menjadi undang-undang dunia yang mereka mahu kuasai.

"Mereka akan menyekat kuasa Islam dan akan berjaya membendung perkembangan Islam kerana Islam tiada kekuasaan ketenteraan kecuali Pakistan, itu pun hanya tahap 'primary'.

"Kuasa nombor satu yang boleh menjadikan dunia padang jarak padang terkukur dalam beberapa saat saja ialah Amerika Syarikat, diikuti Israel, Russia, Britain, Perancis, China dan India," katanya ketika menyampaikan syarahan umum bertajuk Malaysia: Hubungan Dengan Negara Islam dan Dialog Dengan Barat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini, malam ini.

Turut hadir Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Ir Dr Mohammad Noor Salleh dan Penyelia Pusat Islam UPSI, Norazlan Hadi Yaakob. UPSI turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM4,374.70 untuk memenuhi Tabung Palestin anjuran NSTP.

Abdullah berkata, kekuasaan nuklear Amerika Syarikat sekarang boleh diumpamakan seperti Pasca Doktor Falsafah (Phd) manakala Israel dan negara lain pada tahap Phd atau sarjana dan Pakistan pula diumpamakan baru saja tamat sarjana muda.

"Suka tak suka, kita mesti terus berdialog dengan Barat. Mereka mahukan Islam sederhana seperti Malaysia, Indonesia, Lubnan, Mesir dan beberapa negara lagi," katanya.

Abdullah berkata, Turki - sebuah negara Islam yang gagah dari segi ketenteraan walaupun tiada senjata nuklear, amat disukai dunia Barat dan kini giat melobi untuk menjadi anggota Kesatuan Eropah (EU).

Katanya, jika diterima, Turki menjadi negara Islam tunggal menganggotai EU.

"Saya tidak fikir ini akan berlaku. Turki mempunyai 66 juta penduduk yang mana 98 peratus beragama Islam dan bermazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah," katanya.

Katanya, jika Indonesia dan Pakistan mempunyai kekuatan ekonomi, kestabilan politik dan sosial seperti Malaysia, kedua-dua negara itu mempunyai potensi besar untuk memimpin umat Islam.

Katanya, Malaysia juga berpotensi tetapi perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi serta kekuatan ekonomi yang dipunyai orang Melayu.

Abdullah berkata, Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai penduduk Islam tidak besar majoritinya, sudah menjadikan hubungan dengan negara Islam lain sebagai dasar utamanya walaupun menurut Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, beliau tidak mendapat bantuan dari negara Arab sama ada dari segi moral atau kewangan apabila menuntut kemerdekaan.

"Hubungan kita dengan negara Islam zaman Tunku baik, ditingkatkan lagi Tun Razak dan perhebat, perluas dan ditekankan Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad.

"Jalinan kita dengan negara Islam satu sejarah yang lama. Hubungan ini menjadi dominan dan terpenting apabila Indonesia di bawah Sukarno mahu mengganyang Malaysia antara 1963 hingga 1966, zaman konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan Malaysia sudah meningkatkan hubungan dengan negara Islam kerana Indonesia cuba memujuk negara Islam lain memihak kepadanya.

"Saya mengiringi Tun Razak dalam usaha memenangi sokongan negara Islam kepada Malaysia dan tidak kepada Indonesia. Saya mengiringi Tun Razak ke Mesir berjumpa Jeneral Gamal Nasser, Tunisia (Bourgiba), Maghribi (King Mohamed V) dan Algeria (Ahmed Ben Bella).

"Utusan lain juga dihantar ke seluruh negara Islam dan negara Afro-Asia untuk mencari sokongan menyaingi Indonesia di seluruh dunia.

"Keseluruhannya, kecuali Pakistan yang waktu itu di bawah Zulfikar Ali Bhutto, menyokong kita walaupun secara diam," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dapat mengatasi konfrontasi Indonesia kerana mendapat sokongan moral negara Afro-Asia dan Barat, sokongan ketenteraan dan material melalui Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaysia.

Katanya, Indonesia pula mendapat sokongan moral dan senjata dari negara komunis seperti Soviet Union, China dan negara sosialis lain.

"Penyokong Malaysia masih terunggul dalam politik antarabangsa. Penyokong Indonesia pula majoritinya telah tidak bersemarak lagi seperti dulu," katanya.

Abdullah berkata, Dr Mahathir terus memperhebatkan usaha mendekati negara Islam dan usahanya kini ialah memberi gambaran Islam yang sebenar kepada Barat, yang mempunyai persepsi Islam seolah-olah Taliban, penganas, tidak suka kemajuan dan antikemodenan.

Katanya, hakikatnya adalah sebaliknya kerana Islam menggalak kemajuan, tidak ekstrim, agama toleran dengan nilai sejagat.

"Tugas terpenting Malaysia hari ini ialah memberi wajah Islam sebenar seperti dalam al-Quran dan hadis, membesarkan masalah pokok dan bukan ranting, yang wajib bukan makruh, semangat yang benar dalam amalan ibadah, isi bukan kulit yang terpenting, menterjemahkan yang terbaik dalam Islam, mencari ilmu pengetahuan, sifat sederhana, perpaduan dan sebagainya," katanya.